

NAQD AL-MUTUN DALAM MENGENALPASTI HADIS PALSU: ANALISIS METODE UMAR FALLATAH DAN APLIKASINYA DALAM KONTEKS KONTEMPORARI

***Naqd al-Mutun* in Identifying Fabricated Hadith: An Analysis of Umar
Fallatah's Method and Its Application in The Contemporary Context**

Nur Muhammad Anas Mohd Razak^{*1} & Mohd Arif Nazri² & Latifah Abdul Majid³

¹Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 Bangi, Selangor, Malaysia [ORCID ID [009-0004-3441-7207](https://orcid.org/009-0004-3441-7207)]

²Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 Bangi, Selangor, Malaysia [ORCID ID [0000-0002-1158-2961](https://orcid.org/0000-0002-1158-2961)]

³Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 Bangi, Selangor, Malaysia [ORCID ID [0000-0002-8722-8854](https://orcid.org/0000-0002-8722-8854)]

*Corresponding author: ibnurazak10@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2026-1101-04>

Article history

Received: 30/03/2026

Revised: 19/05/2026

Accepted: 01/06/2026

Published: 30/06/2026

Abstrak

Hadis merupakan asas bimbingan utama umat Islam selepas al-Quran. Walau bagaimanapun, cabaran penulatan hadis palsu era digital yang semakin rumit menuntut aplikasi kritikan teks (*naqd al-mutun*) yang lebih dinamik. Keperluan mensintesis formula kritikan daripada sarjana kontemporari bagi mendepani isu ini menjadikan kajian terhadap metode Umar Fallatah sangat signifikan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kaedah pengenalanpastian hadis palsu berdasarkan metode *naqd al-mutun* yang diketengahkan oleh Umar Fallatah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kajian kepustakaan dan analisis kandungan dengan menjadikan karya *al-Wad' fi al-Hadith* sebagai sumber utama. Analisis turut disokong dengan rujukan kepada karya turath seperti *al-Mawdu'at* oleh Ibn al-Jawzi dan *al-Kifayah* oleh al-Khatib al-Baghdadi bagi memahami kerangka tradisional dalam mengenal pasti hadis palsu. Seterusnya, pendekatan analisis perbandingan digunakan untuk menilai persamaan dan perbezaan antara metode Umar Fallatah dengan pendekatan ahli hadis serta beberapa kecenderungan kontemporari dalam *naqd al-mutun*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa metode Umar Fallatah berasaskan pendekatan *al-istiqrar* *al-tam* menekankan penelitian terhadap kandungan matan sebagai indikator penting dalam mengenal pasti pemalsuan hadis, khususnya melalui analisis percanggahan dengan al-Quran, hadis sahih yang lebih kuat serta prinsip umum syariat. Kajian ini turut menegaskan pengukuhan kerangka *naqd al-mutun* berperanan penting dalam membendung penyebaran hadis palsu dalam konteks kontemporari. Oleh itu, usaha meningkatkan kesedaran, pemantapan disiplin ilmu hadis serta pemanfaatan teknologi semasa dilihat sebagai langkah yang signifikan dalam memastikan ketulenan sunnah Nabi SAW terus terpelihara.

Kata Kunci: Hadis Palsu, Kontemporari, Matan, *Naqd al-Mutun*, Umar Fallatah

Abstract

Hadith constitutes the primary foundation of guidance for Muslims after the Qur'an. However, the increasingly complex challenges posed by the proliferation of fabricated hadith in the digital era necessitate a more dynamic application of textual criticism (*naqd al-mutun*). The need to synthesize critical frameworks from contemporary scholars to address this issue renders the study of Umar Fallatah's method highly significant. Therefore, this study aims to analyse the methods for identifying fabricated hadith based on the *naqd al-mutun* approach as articulated by the scholar. The study adopts a qualitative methodology grounded in library research and content analysis, with *al-Wad' fi al-Hadith* serving as the primary source. The analysis is further supported by references to classical works such as *al-Mawdu'at* by Ibn al-Jawzi and *al-Kifayah* by al-Khatib al-Baghdadi, in order to understand the traditional framework for identifying fabricated hadith. A comparative analytical approach is subsequently employed to examine the similarities and differences between Umar Fallatah's method and the approaches of classical hadith scholars, as well as selected contemporary trends in *naqd al-mutun*. The findings indicate that Umar Fallatah's method, grounded in the principle of *al-istiqra' al-tam*, emphasises a critical examination of the matn as a key indicator in identifying hadith fabrication. This includes analysing contradictions with the Qur'an, stronger authentic hadith, and the general principles of the *Shari'ah*. The study further underscores that strengthening the framework of *naqd al-mutun* plays a significant role in curbing the spread of fabricated hadith in the contemporary context. Therefore, enhancing awareness, reinforcing the discipline of hadith studies and leveraging modern technology are seen as essential measures to ensure the preservation of the authenticity of the Prophet's Sunnah.

Keywords: Fabricated Hadith, Contemporary, *Matn*, *Naqd al-Mutun*, Umar Fallatah

PENGENALAN

Pemeliharaan kesucian sunnah Nabi SAW menjadi tanggungjawab utama ahli hadis sejak generasi awal Islam. Mereka bukan sekadar meriwayatkan hadis bahkan meneliti matannya bagi memastikan ia benar-benar selaras dengan ajaran yang dibawa oleh Nabi SAW. Usaha ini melibatkan penilaian terhadap sanad serta analisis terhadap matan hadis bagi menilai keserasian makna, ketepatan fakta serta kesesuaiannya dengan prinsip umum syariat. Melalui pendekatan tersebut, ahli hadis berusaha memastikan hadis yang diterima benar-benar ajaran Nabi SAW dan bebas daripada unsur penyelewengan. Al-Khatib al-Baghdadi (1939) menjelaskan ahli hadis terdahulu telah membangunkan kaedah penelitian yang sistematik bagi menilai riwayat hadis termasuk meneliti kemungkinan percanggahan makna, kelemahan lafaz serta unsur yang tidak selari dengan asas agama.

Dalam kerangka ini, pengenalpastian hadis palsu merupakan satu aspek penting dalam disiplin kritik hadis khususnya melalui analisis terhadap matan. Sesetengah hadis yang tersebar dalam masyarakat mengandungi makna yang meragukan, bercanggah dengan prinsip al-Quran atau tidak selari dengan realiti sejarah. Keadaan ini mendorong ahli hadis melakukan penelitian kritikal terhadap matan hadis bagi mengenal pasti unsur yang menunjukkan kemungkinan pemalsuan. Penyebaran hadis palsu lazimnya berlaku kerana pelbagai faktor seperti dorongan politik, taksub mazhab atau usaha menokok tambah unsur tertentu dalam agama. Kewujudan riwayat seperti ini menimbulkan kekeliruan dalam kefahaman agama dan berpotensi menjejaskan kesatuan masyarakat Islam. Oleh itu, usaha menilai dan menapis riwayat yang bermasalah melalui pendekatan *naqd al-mutun* perlu terus diperkukuh oleh ahli hadis pada setiap zaman (Usman & Nasir, 2022).

Berdasarkan latar belakang tersebut, makalah ini bertujuan menghuraikan kaedah-kaedah yang digunakan oleh ahli hadis dalam mengenal pasti hadis palsu dengan memberi perhatian khusus kepada analisis matan. Kajian ini turut meneliti pendekatan yang diketengahkan oleh Umar Fallatah dalam mengenal pasti riwayat yang bermasalah melalui penelitian terhadap matan

hadis. Selain itu, makalah ini menganalisis cara pendekatan tersebut dapat diaplikasikan dalam konteks kontemporari, khususnya dalam menghadapi penyebaran hadis palsu melalui media digital dalam kalangan masyarakat moden. Beberapa contoh hadis palsu yang telah dikenal pasti melalui analisis beliau akan dihuraikan bagi menunjukkan cara unsur-unsur tertentu dalam matan dapat menjadi indikator sesuatu riwayat yang bermasalah. Perbincangan ini dapat memberikan panduan yang lebih jelas kepada masyarakat dalam memahami kaedah mengenal pasti hadis palsu berdasarkan prinsip *naqd al-mutun* yang telah dibangunkan oleh ahli hadis sepanjang sejarah.

METODOLOGI

Kajian ini tertumpu kepada analisis pendekatan dalam mengenal pasti hadis palsu dengan memberi perhatian khusus kepada penelitian terhadap matan. Kajian ini secara utama meneliti metode yang dikemukakan oleh Umar Fallatah dalam karyanya *al-Wad' fi al-Hadith*. Dalam karya tersebut, beliau menghuraikan beberapa petunjuk yang dapat dikenal pasti melalui penelitian terhadap sanad dan khususnya terhadap matan hadis, seperti kewujudan makna yang bercanggah dengan al-Quran, pertentangan dengan hadis sahih yang lebih kuat, serta kandungan yang tidak selari dengan prinsip umum syariat. Penelitian terhadap unsur-unsur ini menunjukkan bahawa kritikan terhadap makna dan kandungan riwayat berfungsi sebagai indikator penting dalam mengenal pasti kemungkinan pemalsuan hadis.

Seterusnya, kajian ini turut meneliti kedudukan metode tersebut dalam kerangka disiplin ilmu hadis dengan menilai hubungannya dengan prinsip-prinsip *naqd al-mutun* yang telah lama diamalkan oleh para ahli hadis. Analisis ini bertujuan melihat sejauh mana pendekatan yang dikemukakan oleh Umar Fallatah selari atau berbeza dengan tradisi kritik matan yang muktabar dalam menilai kesahihan sesuatu riwayat.

Dari sudut metodologi, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kajian kepustakaan yang disertai dengan analisis kandungan. Sumber utama kajian ialah karya *al-Wad' fi al-Hadith* oleh Umar Fallatah (2016) di samping rujukan kepada beberapa karya turath seperti *al-Maudu'at* oleh Ibn al-Jawzi (1966) dan *al-Kifayah* oleh al-Khatib al-Baghdadi (1939). Seterusnya, pendekatan analisis perbandingan digunakan bagi menilai persamaan dan perbezaan antara metode Umar Fallatah dengan pendekatan tradisional ahli hadis dalam *naqd al-mutun*. Melalui pendekatan ini, kajian berusaha menonjolkan peranan *naqd al-mutun* sebagai mekanisme penting dalam menilai kesahihan hadis serta dalam membendung penyebaran riwayat palsu dalam masyarakat.

DAPATAN KAJIAN

Biografi Umar Fallatah

Umar bin Hasan Uthman Fallatah (m. 1445H/2024M) adalah seorang sarjana hadis yang dilahirkan di Madinah, Arab Saudi. Beliau berasal daripada keturunan *al-Fullani* dan bermazhab Maliki. Beliau ditugaskan untuk mengajar di Masjid Nabawi lebih daripada empat dekad khususnya dalam bidang hadis. Beliau dikenali kerana pengkhususannya dalam bidang hadis dan tafsir serta berpegang dengan mazhab Maliki dalam pengamalan fikahnya (Moiz, 2024).

Salah satu sumbangan utama beliau adalah karya *al-Wad' fi al-Hadith* yang pada asalnya merupakan tesis ijazah kedoktoran beliau di Universiti Islam Madinah (Umar Fallatah, 2016). Karya ini dianggap sebagai sumber penting dalam kajian berkaitan hadis palsu sehingga dicetak dalam edisi kedua setelah melalui proses penambahbaikan selama 12 tahun. Usaha ini melibatkan sekumpulan ilmuwan hadis yang lain juga seperti Dr. Ibrahim Muhammad Nur Sayf dan Dr. Hamid Ahmad Na'ijat bersama beberapa orang pelajar pascasiswazah di Universiti Islam

Madinah yang turut menyumbang dalam memperkemaskan isi kandungan karya ini (Umar Fallatah, 2016).

Jawatan yang pernah disandang oleh Umar Fallatah termasuk ketua Jabatan Syariah di Kolej Syariah dan Pengajian Islam di Mekah. Di samping itu, beliau pernah dilantik sebagai ketua Jabatan Bahasa Arab dan Pengajian Islam di kampus Universiti King Abdul Aziz di Madinah yang seterusnya dinaikkan pangkat menjadi dekan (Moiz, 2024). Umar Fallatah meninggal dunia di Madinah pada tahun 2024. Pemergiannya merupakan kehilangan besar bagi dunia Islam khususnya dalam bidang hadis (Moiz, 2024).

***Naqd al-Mutun* Sebagai Metode Penilaian Hadis**

Naqd al-mutun atau kritik matan merupakan salah satu cabang penting dalam kajian hadis yang memberi tumpuan kepada penelitian dan penilaian terhadap teks sesuatu hadis bagi memastikan kesahihannya serta kesesuaiannya dengan prinsip-prinsip syariat Islam. Dalam disiplin ilmu hadis, penelitian terhadap matan dilakukan bagi memastikan sesuatu riwayat tidak bercanggah dengan al-Quran, hadis yang lebih sahih, fakta sejarah dan prinsip akal yang sejahtera (al-Idlibi, 2013). Pendekatan ini membuktikan para ulama hadis bukan sahaja menitikberatkan aspek sanad bahkan turut memberi perhatian terhadap matan sebagai mekanisme penting dalam membezakan antara riwayat yang *maqbul* dan *mardud*.

Secara terminologi, perkataan *naqd* merujuk kepada proses penelitian, penilaian dan pendedahan terhadap kelemahan sesuatu perkara manakala matan pula merujuk kepada teks atau isi kandungan hadis yang berada selepas sanad (al-Sajistani, 1979; al-Suyuti, 2004). Oleh itu, *naqd al-mutun* dapat difahami sebagai proses kritikan terhadap kandungan hadis bagi menentukan tahap kesahihan dan ketepatannya menurut neraca syarak dan disiplin ilmu hadis (Luthfi, 2013). Dalam konteks ini, ahli hadis menetapkan beberapa kriteria dalam menilai matan hadis seperti keselarasan dengan nas al-Quran, tidak bercanggah dengan hadis mutawattir atau hadis yang lebih kuat, tidak bertentangan dengan fakta sejarah serta bebas daripada unsur yang melampau atau tidak munasabah.

Kritik matan hadis turut melibatkan beberapa pendekatan utama antaranya menyesuaikan kandungan hadis dengan prinsip agama, melakukan *tarjih* antara riwayat yang bercanggah serta menolak hadis yang bertentangan dengan nas syarak atau akal yang sihat. Pendekatan ini menunjukkan bahawa kesahihan sanad semata-mata tidak mencukupi sekiranya kandungan hadis mengandungi unsur yang meragukan atau bercanggah dengan asas agama (Wingra, 2018). Oleh sebab itu, penelitian terhadap matan hadis menjadi salah satu instrumen penting dalam mengenal pasti hadis palsu atau riwayat yang mengalami kecacatan tersembunyi.

Dalam perkembangan kajian hadis moden, pendekatan *naqd al-mutun* berkembang dengan mengambil kira aspek rasional, konteks semasa dan realiti sosial dalam menilai kandungan hadis. Walaupun demikian, pendekatan ahli hadis yang menekankan keselarasan hadis dengan nas syarak dan prinsip akal masih menjadi asas utama dalam disiplin kritik matan hadis (Mohd Razak & Nazri, 2023). Justeru, *naqd al-mutun* memainkan peranan yang signifikan dalam memelihara ketulenan hadis Nabi SAW serta memastikan sesuatu riwayat benar-benar selari dengan ajaran Islam yang sahih.

Metode Ahli Hadis dalam Memelihara Hadis

Sejak awal perkembangan ilmu hadis, ahli hadis telah membangunkan pelbagai pendekatan bagi memastikan riwayat yang disandarkan kepada Nabi SAW benar-benar terpelihara daripada unsur pemalsuan. Usaha ini tidak hanya tertumpu kepada periwayatan semata-mata bahkan melibatkan proses penelitian ilmiah terhadap matan. Dalam kerangka tersebut, ahli hadis terlebih dahulu menjelaskan konsep hadis *mandu'* iaitu riwayat yang direka dan secara dusta disandarkan kepada Nabi SAW. Fenomena pemalsuan hadis mula dikesan sejak berlakunya konflik politik dalam kalangan umat Islam khususnya selepas peristiwa pembunuhan Uthman bin Affan yang

mencetuskan perpecahan politik dan mazhab. Keadaan ini membuka ruang kepada pihak tertentu untuk mencipta riwayat bagi menyokong kepentingan kelompok masing-masing (al-Ashqar, 2004). Menurut al-Siba'i (2000), hadis palsu merujuk kepada sebarang pernyataan yang tidak pernah diucapkan atau ditetapkan oleh Nabi SAW tetapi kemudiannya disandarkan kepada Baginda.

Dalam usaha mengenal pasti riwayat yang bermasalah, ahli hadis menekankan penelitian terhadap sanad sebagai langkah awal bagi menilai kesahihan sesuatu riwayat. Setiap perawi dianalisis dari sudut integriti dan ketepatan ingatan mereka melalui disiplin *al-jarh wa al-ta'dil*. Al-Khatib al-Baghdadi dalam karyanya *al-Kifayah* menegaskan penerimaan sesuatu hadis bergantung kepada keadilan dan ketelitian perawi dalam meriwayatkan hadis (al-Khatib al-Baghdadi, 1939). Walau bagaimanapun, penelitian terhadap sanad sahaja tidak mencukupi kerana ahli hadis juga memberi perhatian kepada matan bagi menilai keserasian maknanya dengan sumber-sumber utama syariat. Dalam konteks ini, matan hadis dinilai dari sudut kesesuaiannya dengan al-Quran, keselarasan dengan hadis sahih yang lain serta kesahihan makna dari sudut pertimbangan akal. Riwayat yang mengandungi makna yang bercanggah dengan prinsip syariat atau menampilkan gambaran yang tidak munasabah sering kali dianggap sebagai indikator awal kepada kemungkinan pemalsuan (Dzakiy et al., 2022).

Selain itu, ahli hadis turut menggunakan pendekatan *al-istiqlal* *al-tam* iaitu penelitian menyeluruh terhadap himpunan riwayat yang berkaitan dengan sesuatu tema tertentu. Melalui pengumpulan dan perbandingan pelbagai riwayat, mereka dapat mengenal pasti pola tertentu dalam matan yang menunjukkan ciri-ciri kepalsuan. Umar Fallatah (2016) menjelaskan sebahagian panduan dalam mengenali hadis palsu dirumuskan melalui penelitian berterusan terhadap sanad dan matan hadis secara komprehensif. Hasil daripada proses *istiqlal* ini, ahli hadis dapat merumuskan beberapa indikator umum yang sering muncul dalam hadis palsu. Antara contohnya ialah matan yang mengandungi ganjaran yang terlalu besar bagi amalan yang kecil atau yang menetapkan hukuman yang tidak seimbang tanpa sokongan daripada riwayat sahih yang lain (Umar Fallatah, 2016).

Pada masa kini, penyebaran hadis melalui medium digital menjadikan proses penapisan riwayat lebih mencabar kerana maklumat dapat tersebar dengan sangat pantas dalam masyarakat. Oleh itu, prinsip-prinsip klasik yang dibangunkan oleh ahli hadis dalam menilai sanad dan matan riwayat perlu diperkukuh dengan pendekatan kontemporari yang memanfaatkan teknologi maklumat. Kajian oleh Dzakiy et al. (2022) menekankan kepentingan membangunkan kesedaran masyarakat mengenai ciri-ciri hadis palsu di samping memanfaatkan pangkalan data digital bagi membantu proses pengesanan riwayat yang bermasalah. Pendekatan yang menggabungkan tradisi kritik hadis dengan kemudahan teknologi ini dilihat mampu membantu usaha memelihara keaslian hadis serta mengurangkan penyebaran riwayat yang tidak sahih dalam masyarakat.

Metode *al-Istiqlal* *al-Tam* Menurut Umar Fallatah

Melalui penelitian menyeluruh terhadap himpunan riwayat dalam pelbagai sumber hadis, Umar Fallatah telah mengenal pasti beberapa bentuk matan yang sering muncul dalam hadis palsu. Kaedah *al-istiqlal* *al-tam* yang digunakan dalam kajian beliau melibatkan pengumpulan dan perbandingan pelbagai riwayat bagi menilai keserasian maknanya dengan prinsip umum syariat serta dengan riwayat sahih yang lain. Hasil daripada analisis tersebut, beberapa kategori hadis palsu dapat dikenal pasti berdasarkan ciri-ciri tertentu yang muncul dalam matannya (Umar Fallatah, 2016).

Kategori pertama berkaitan dengan isu akidah. Dalam kategori ini terdapat riwayat-riwayat yang mengandungi perbincangan teologi yang sarat dengan polemik mazhab seperti hadis yang digunakan untuk menyokong doktrin tertentu mengenai pertambahan atau pengurangan iman, isu sama ada al-Quran makhluk atau tidak serta riwayat yang menetapkan khalifah tertentu secara khusus selepas kewafatan Nabi SAW. Penelitian terhadap matan riwayat-riwayat tersebut

menunjukkan sebahagiannya mengandungi unsur kecenderungan mazhab yang jelas serta tidak selari dengan prinsip asas akidah yang disepakati oleh ahli hadis (Umar Fallatah, 2016).

Kategori kedua berkaitan dengan amalan ibadah tertentu yang tidak mempunyai sandaran yang kukuh dalam sumber hadis yang sahih. Antara contoh yang sering disebut ialah riwayat berkaitan solat sunat *ragha'ib* pada malam Jumaat pertama bulan Rejab, solat khusus pada malam Nisfu Syaaban, solat tertentu pada hari Asyura selain ibadah puasa serta amalan solat pada malam-malam tertentu dalam minggu. Antara kandungan riwayat tersebut yang direkod oleh Ibn al-Jawzi (1966):

يَا عَلِيَّ مِنْ صَلَاتِي مِائَةَ رَكْعَةٍ فِي لَيْلَةِ النَّصَفِ، يَقْرَأُ فِي كُلِّ رَكْعَةٍ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ وَقَالَ اللَّهُ أَحَدُ عَشَرَ مَرَّةً قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَا عَلِيُّ مَا مِنْ عَبْدٍ يَصَلِي هَذِهِ الصَّلَوَاتِ إِلَّا قَضَى اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ لَهُ كُلَّ حَاجَةٍ طَلِبَهَا تِلْكَ اللَّيْلَةَ

Maksudnya: Wahai Ali, sesiapa yang menunaikan solat seratus rakaat pada malam pertengahan Syaaban dan pada setiap rakaat dia membaca al-Fatihah serta (قل هو الله أحد) sebanyak sepuluh kali. Nabi SAW bersabda: Wahai Ali, tidak ada seorang hamba yang menunaikan solat-solat ini melainkan Allah akan menunaikan setiap hajat yang dipintanya pada malam tersebut.

Apabila riwayat-riwayat tersebut dianalisis melalui perbandingan dengan himpunan hadis sahih serta amalan generasi salaf, matannya didapati tidak mempunyai asas dalam tradisi hadis sahih yang muhtabar. Oleh sebab itu, riwayat seperti solat *ragha'ib* dianggap sebagai hadis palsu kerana tidak ditemukan dalam sumber hadis yang dipercayai dan tidak diamalkan oleh generasi awal umat Islam (Umar Fallatah, 2016).

Selain itu, terdapat juga hadis palsu yang berkaitan dengan pujian atau celaan terhadap individu tertentu. Sebahagian riwayat digunakan untuk memuji tokoh tertentu manakala sebahagian yang lain mengandungi kecaman terhadap tokoh seperti Mu'awiyah, 'Amr bin As, Abu Musa al-Ash'ari dan Marwan bin al-Hakam. Penelitian terhadap matan ini menunjukkan sebahagiannya muncul dalam konteks pertikaian politik dan mazhab pada zaman awal Islam. Sebagai contoh, riwayat yang bermaksud, "Apabila kamu melihat Mu'awiyah di atas mimbar maka bunuhlah dia" dinilai sebagai hadis palsu kerana matannya bertentangan dengan prinsip keadilan para sahabat dan tidak mempunyai sanad yang boleh diterima. Ahli hadis juga mengaitkan penyebaran riwayat seperti ini dengan propaganda mazhab tertentu khususnya dalam kalangan golongan Syiah (al-Siba'i, 2000).

Kategori seterusnya melibatkan riwayat yang berkaitan dengan kelebihan makanan atau haiwan tertentu. Dalam kategori ini terdapat hadis yang memuji makanan seperti kacang dal, beras dan delima atau riwayat yang menyebut kelebihan memelihara haiwan tertentu seperti ayam atau burung merpati. Apabila riwayat-riwayat tersebut dianalisis melalui pendekatan *naqd al-mutun* serta dibandingkan dengan sumber hadis yang sahih, kebanyakannya didapati tidak mempunyai sandaran yang kukuh. Sebagai contoh, terdapat riwayat yang menyatakan memelihara ayam membawa keberkatan tertentu, sedangkan riwayat sahih yang berkaitan dengan ayam hanya terbatas kepada dua hadis sahaja (Umar Fallatah, 2016). Antaranya lafaz Nabi SAW yang direkodkan Ibn Hibban (2012) dalam *Sahibnya*:

لَا تَسُبُّوا الدِّيكَ فَإِنَّهُ يَدْعُو إِلَى الصَّلَاةِ

Maksudnya: Janganlah kamu mencela ayam jantan, kerana ia menyeru kepada solat.

Demikian juga matan hadis yang diriwayatkan oleh Muslim (1955) dalam *Sahibnya*:

إِذَا سَمِعْتُمْ صِيَاحَ الدِّيَكَةِ، فَاسْأَلُوا اللَّهَ مِنْ فَضْلِهِ، فَإِنَّهَا رَأَتْ مَلَكًا

Maksudnya: Apabila kamu mendengar kokokan ayam maka mintalah kepada Allah akan kelebihan-Nya kerana ia telah melihat malaikat.

Penyebaran hadis palsu seperti ini memberi kesan yang besar terhadap kefahaman masyarakat terhadap ajaran Islam. Kajian oleh Ahmad Shah (2016) menunjukkan riwayat yang tidak sahih boleh menimbulkan kekeliruan dalam amalan ibadah serta membawa kepada penyebaran kepercayaan yang tidak mempunyai asas yang kukuh dalam syariat. Oleh itu, penelitian terhadap matan hadis serta rujukan kepada sumber hadis yang sahih menjadi langkah penting dalam memastikan sesuatu riwayat tidak diamalkan tanpa penelitian yang memadai.

Dalam konteks ini, peranan ulama dan institusi agama amat penting dalam memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai kaedah mengenal pasti hadis palsu. Menurut Mohd Shukri (2020), usaha pendidikan berkaitan disiplin hadis perlu diperkasakan melalui penerbitan karya ilmiah dan penyebaran maklumat yang tepat mengenai status sesuatu riwayat. Di samping itu, penggunaan teknologi moden seperti pangkalan data hadis digital juga dapat membantu masyarakat mengakses maklumat yang lebih tepat mengenai kesahihan sesuatu hadis serta mengurangkan penyebaran riwayat yang tidak sahih.

Untuk memudahkan pembaca merujuk secara ringkas, beberapa kategori hadis palsu yang tersebar dalam kalangan masyarakat berdasarkan metode *al-istiqrā' al-tām* menurut Umar Fallatah dalam karyanya *al-Wad' fi al-Hadith* diringkaskan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Kategori dan Contoh Hadis Palsu

Bil	Kategori	Hadis Palsu
1	Akidah	- Setiap hadis yang menyebutkan "Iman bertambah dan berkurang" atau sebaliknya tidak bertambah dan tidak berkurang - Setiap hadis yang menyebutkan al-Quran itu makhluk atau sebaliknya. - Hadis yang menetapkan khalifah tertentu selepas Nabi SAW.
2	Ibadah	- Setiap hadis yang menyebutkan tentang solat sunat Ragh'ib pada malam Jumaat pertama bulan Rejab - Setiap hadis yang menyebutkan tentang solat sunat khusus malam Nisfu Syaaban - Setiap hadis yang menyebutkan tentang solat sunat hari Asyura beserta amalan lain selain puasa - Setiap hadis yang menyebutkan tentang puasa bulan Rejab - Setiap hadis yang menyebutkan tentang solat malam pada hari tertentu seperti Ahad atau Isnin
3	Individu/Tempat	- Setiap hadis yang menyebutkan tentang <i>manaqib</i> Mu'awiyah r.a. atau keburukannya secara langsung - Setiap hadis yang mencela para sahabat seperti 'Amr bin As r.a., Abu Musa al-Ash'ari r.a. dan lain-lain - Setiap hadis yang memuji dan mencela kota seperti Baghdad, Basrah, Kufah dan Palestin.
4	Makanan/Binatang	- Setiap hadis yang menyebutkan tentang kelebihan ayam jantan melainkan dua hadis, Pertama: "janganlah kamu mencela ayam jantan kerana ia mengejutkan kamu untuk solat". Kedua: "Apabila kamu mendengar kokokan ayam maka mintalah kepada Allah akan kelebihan-kelebihannya kerana ia telah melihat malaikat" - Hadis-hadis yang menyebut kelebihan ayam betina atau merpati - Hadis-hadis yang memuji makanan seperti kacang dal, beras dan delima

Ciri Hadis Palsu dan Penyebarannya dalam Konteks Kontemporari

Fenomena penyebaran hadis palsu merupakan salah satu cabaran besar dalam sejarah perkembangan ilmu hadis. Sejak awal lagi ahli hadis telah memberi perhatian serius terhadap isu ini melalui usaha pengumpulan, penelitian dan pendedahan riwayat yang tidak sahih. Antaranya ialah Ibn al-Jawzi yang menghimpunkan hadis-hadis palsu dalam karyanya *al-Mawdu'at* bagi memberi peringatan kepada umat Islam tentang bahaya menyandarkan sesuatu riwayat secara tidak sahih kepada Nabi SAW (Ibn al-Jawzi, 1966). Usaha seperti ini memperlihatkan kritikan terhadap riwayat tidak hanya bergantung kepada penelitian sanad bahkan turut melibatkan analisis

kritikal terhadap matan bagi mengenal pasti unsur yang menunjukkan kemungkinan pemalsuan. Dalam banyak keadaan, hadis palsu muncul akibat dorongan ideologi atau keinginan untuk menyokong pandangan tertentu termasuk bagi mengukuhkan kedudukan mazhab atau mewajarkan amalan yang tidak mempunyai sandaran dalam syariat. Melalui penelitian terhadap matan, ahli hadis dapat mengenal pasti riwayat yang mengandungi makna yang bertentangan dengan prinsip asas agama seperti gambaran sifat Allah yang tidak selari dengan al-Quran dan hadis sahih atau penggunaan istilah yang tidak sesuai dengan konteks bahasa pada zaman Nabi SAW (Umar Fallatah, 2016). Selain itu, faktor seperti kekurangan pengetahuan agama dan kecenderungan menerima sesuatu riwayat tanpa penelitian turut menyumbang kepada penyebaran hadis palsu dalam masyarakat (Firdaus Khairi & Fadzi, (2019).

Dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia, penyebaran hadis palsu juga memberikan kesan yang ketara terhadap corak pemikiran dan amalan masyarakat. Kajian oleh Usman & Nasir (2022) menunjukkan sebahagian penerbitan tempatan memuatkan riwayat yang lemah, tidak sahih atau tidak diketahui statusnya tanpa penelitian yang mencukupi sekali gus berpotensi mengelirukan pembaca. Keadaan ini menjadi lebih kompleks dengan perkembangan media sosial yang mempercepatkan penyebaran maklumat tanpa proses semakan yang memadai. Melalui platform digital, riwayat yang tidak diketahui statusnya dapat tersebar secara meluas dan diterima oleh masyarakat tanpa analisis kritikal terhadap matannya. Fenomena ini menunjukkan betapa pentingnya pendekatan *naqd al-matun* dalam menilai keserasian makna sesuatu riwayat sebelum ia diterima sebagai hujah dalam amalan agama.

Selain itu, dalam wacana pemikiran Islam kontemporari di Malaysia, riwayat yang lemah, bermasalah atau tidak diketahui statusnya kadangkala dieksploitasi bagi menyokong kerangka pemikiran tertentu. Sebahagian aliran pemikiran seperti Islam Liberal dan Syiah dilihat menggunakan riwayat yang dipertikaikan status kesahihannya bagi menguatkan hujah mereka dalam isu-isu tertentu berkaitan autoriti agama.

وَأَمَّا يُدْرِكُ الْخَيْرُ كُلَّهُ بِالْعَقْلِ، وَلَا دِينَ لِمَنْ لَا عَقْلَ لَهُ

Maksudnya: Janganlah kamu mencela ayam jantan, kerana ia menyeru kepada solat.

Riwayat ini telah dikritik oleh sebahagian besar ahli hadis. al-Mawardi (1999) menyatakan bahawa hadis tersebut merupakan hadis palsu manakala al-Albani (1992) dalam turut menghukumnya sebagai batil. Ibn al-Qayyim (1970) pula menjelaskan hadis-hadis berkaitan kelebihan akal dalam bentuk sedemikian kebanyakannya tidak mempunyai sandaran yang sahih. Walau bagaimanapun, sebahagian tokoh hadis Syiah menerima riwayat tersebut dan menjadikannya sebagai hujah berkaitan kedudukan akal sebagai salah satu sumber penting dalam pembinaan hukum selepas al-Quran, hadis Nabi SAW dan ijmak imam-imam mereka. Riwayat ini turut direkodkan dalam beberapa karya utama Syiah seperti *Tuhaf al-'Uqul* oleh a-Harrani (1983) dan *Bihar al-Anwar* oleh al-Majlisi (1983). Keadaan ini menunjukkan bagaimana sesuatu riwayat boleh diterima sebagai *maqbul* dalam kerangka pemikiran tertentu kerana dianggap selari dengan prinsip rasional yang dipegang oleh sesuatu aliran walaupun status kesahihannya dipertikaikan oleh majoriti ahli hadis dari sudut sanad dan matan.

Dalam konteks ini, penelitian terhadap matan menjadi penting bagi menilai sama ada sesuatu riwayat benar-benar selaras dengan prinsip umum ajaran Islam atau sekadar digunakan sebagai alat legitimasi kepada pandangan ideologi tertentu. Kajian oleh Dakir et al., (2008), turut menunjukkan penyebaran hadis palsu dalam masyarakat Melayu sering berkait dengan kebergantungan terhadap karya tertentu tanpa proses verifikasi terhadap status hadis yang terkandung di dalamnya. Oleh itu, pendekatan *naqd al-matun* menjadi antara instrumen penting dalam membezakan antara riwayat yang lemah, bermasalah dan hadis yang benar-benar tergolong dalam kategori *mandu*.

Dalam wacana moden, penyebaran hadis palsu dapat dilihat melalui pelbagai medium seperti ceramah agama, penulisan popular dan perkongsian dalam media sosial. Salah satu contoh

yang sering dikemukakan ialah riwayat berkaitan kelebihan solat *Ragha'ib* pada malam Jumaat pertama bulan Rejab yang terus tersebar walaupun ahli hadis telah menilainya sebagai hadis palsu (Al-Albani, 1992). Umar Fallatah (2016) menegaskan penyebaran hadis palsu seperti ini bukan sahaja membawa kepada kekeliruan dalam amalan ibadah malah membuka ruang kepada kemunculan amalan baharu yang tidak mempunyai asas dalam sunnah Nabi SAW. Oleh itu, penelitian terhadap sanad dan khususnya analisis terhadap matan menjadi langkah penting dalam memastikan sesuatu riwayat tidak diterima atau diamalkan tanpa asas yang sah.

Implikasi Penyebaran Hadis Palsu

Penyebaran hadis palsu membawa implikasi yang besar terhadap kefahaman akidah umat Islam. Riwayat yang tidak sahih sering mengandungi makna yang bertentangan dengan prinsip asas keimanan atau menimbulkan kekeliruan terhadap konsep-konsep teologi yang penting. Dalam konteks ini, penelitian terhadap matan menjadi penting bagi menilai keserasian sesuatu riwayat dengan ajaran al-Quran dan hadis sahih. Sebahagian hadis palsu mengandungi perbincangan teologi yang sarat dengan polemik mazhab seperti isu sifat-sifat Allah, kedudukan al-Quran serta persoalan kepimpinan umat. Riwayat yang menyentuh isu seperti al-Quran sebagai makhluk atau bukan makhluk misalnya telah menjadi sebahagian daripada polemik teologi dalam sejarah Islam. Apabila riwayat seperti ini tersebar tanpa penelitian yang kritikal terhadap matannya, ia boleh menimbulkan kekeliruan dalam memahami asas akidah dan seterusnya membuka ruang kepada penyimpangan dalam beragama. Kajian oleh Usman & Nasir (2022), turut menunjukkan kewujudan hadis palsu dalam penerbitan tempatan boleh memberi kesan negatif terhadap kefahaman akidah masyarakat. Antara contoh riwayat yang diketengahkan oleh Usman & Nasir, (2022) dalam kajian mereka ialah:

رَأَيْتُ رَبِّيَ عِنْدَ النَّفَرِ عَلَى جَمَلٍ أَوْرَقَ عَلَيْهِ جُبَّةٌ صَوْفٌ أَمَامَ النَّاسِ

Maksudnya: Aku melihat Tuhanku di Mina ketika hari nafar berada di atas seekor unta berwarna kelabu dan memakai jubah daripada bulu di hadapan manusia.

Riwayat ini dihukum sebagai palsu oleh Ibn 'Asakir (1995) dalam *Tarikh Dimashq* dan al-Albani (1992) dalam *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah*. Kandungan matannya jelas bercanggah dengan prinsip akidah Islam yang menafikan penyerupaan Allah SWT dengan makhluk. Selain itu, riwayat seperti ini turut menunjukkan kepentingan penelitian terhadap matan hadis kerana unsur pemalsuan.

Dari sudut amalan ibadah, hadis palsu juga boleh mendorong kepada pengamalan ibadah yang tidak mempunyai sandaran yang sahih dalam syariat. Dalam banyak keadaan, riwayat yang bermasalah mengandungi galakan kepada amalan tertentu yang tidak pernah disyariatkan oleh Nabi SAW. Penyebaran riwayat seperti ini boleh menyebabkan sebahagian masyarakat mengamalkan ibadah yang tidak mempunyai asas dalam sunnah Nabi SAW. Menurut Ahmad Shah (2016) penyebaran hadis palsu melalui media massa dan media sosial telah memberi kesan terhadap corak amalan ibadah masyarakat kerana sebahagian riwayat tersebut diterima tanpa penelitian terhadap kesahihannya.

Selain itu, hadis palsu juga berpotensi menjejaskan kesatuan umat Islam. Sebahagian riwayat palsu mengandungi pujian atau celaan terhadap tokoh tertentu dalam sejarah Islam sehingga menimbulkan sentimen permusuhan antara kelompok yang berbeza. Matan seperti ini sering muncul dalam konteks konflik politik dan pertikaian mazhab yang berlaku pada zaman awal Islam. Melalui penelitian terhadap matan, ahli hadis dapat mengenal pasti kecenderungan ideologi yang terkandung dalam riwayat tersebut serta menilai keserasian maknanya dengan prinsip keadilan yang diajarkan oleh Islam. Kajian oleh Ahmad et al. (2022), menunjukkan dalam konteks moden, hadis palsu juga kadangkala digunakan bagi menyokong agenda tertentu yang akhirnya memberi kesan negatif terhadap kesatuan umat Islam.

Perkembangan teknologi maklumat pada masa kini turut mempercepatkan penyebaran hadis palsu dalam masyarakat. Platform media sosial seperti *WhatsApp*, *Facebook* dan *Twitter* memudahkan perkongsian maklumat secara pantas tanpa proses semakan yang mencukupi. Dalam keadaan ini, riwayat yang tidak diketahui statusnya boleh tersebar secara meluas dan diterima sebagai hujah dalam amalan agama. Kekurangan literasi digital serta kefahaman asas mengenai disiplin hadis menyebabkan sebahagian masyarakat menerima riwayat tersebut tanpa melakukan verifikasi terhadap sumbernya. Kajian oleh Firdaus Khairi & Fadzli (2019) menunjukkan faktor seperti kekurangan pengetahuan agama dan kecenderungan taklid tanpa penelitian turut menyumbang kepada penyebaran hadis palsu dalam kalangan masyarakat.

Oleh itu, usaha membendung penyebaran hadis palsu memerlukan pengukuhan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menilai kesahihan sesuatu riwayat sebelum ia diterima atau diamalkan. Para ulama dan institusi agama memainkan peranan penting dalam memberikan pendedahan mengenai kaedah mengenal pasti hadis palsu termasuk melalui penerbitan karya ilmiah yang membincangkan ciri-ciri riwayat yang bermasalah. Karya seperti *al-Mawdu'at* oleh Ibn al-Jawzi (1966) merupakan antara usaha penting dalam menghimpunkan riwayat palsu sebagai peringatan kepada umat Islam. Demikian juga dalam konteks Malaysia, buku *Himpunan Hadis Dhaif dan Maudhu* yang dikarang oleh Abdul Ghani Azmi bin Haji Idris turut membantu mengumpul hadis-hadis yang daif dan palsu (Badrulhisham & Md Ariffin, 2022). Di samping itu, pembangunan pangkalan data hadis digital yang mudah diakses oleh masyarakat juga dapat membantu proses semakan terhadap status sesuatu riwayat serta mengurangkan penyebaran hadis palsu dalam masyarakat moden.

Garis Panduan Menangani Penyebaran Hadis Palsu

Penyebaran hadis palsu dalam masyarakat Islam merupakan cabaran yang semakin kompleks khususnya dalam era digital yang mempercepatkan aliran maklumat tanpa semakan yang mencukupi. Riwayat yang tidak sahih bukan sahaja boleh menimbulkan kekeliruan dalam aspek akidah, malah turut mempengaruhi corak amalan ibadah serta hubungan sosial dalam masyarakat. Dalam konteks ini, usaha menangani penyebaran hadis palsu perlu digerakkan melalui pendekatan yang menekankan penelitian terhadap sumber riwayat dan matan sebelum ia diterima atau disebarkan. Kajian oleh Usman & Nasir (2022), peningkatan literasi agama dan penguatkuasaan terhadap penyebaran maklumat palsu adalah langkah penting untuk mengekang masalah ini. Oleh itu, beberapa garis panduan kontemporari dirumuskan bagi melengkapi metode *naqd al-mutun* yang dikemukakan oleh ahli hadis seperti Umar Fallatah dalam menilai kesahihan matan sesuai dengan cabaran semasa.

Pertama, pendidikan dan kesedaran masyarakat perlu diperkukuhkan melalui pengenalan kepada asas disiplin ilmu hadis. Pendedahan kepada kaedah mengenal pasti hadis palsu, termasuk prinsip penilaian terhadap sanad dan matan, dapat membantu masyarakat menilai kesahihan sesuatu riwayat secara lebih kritikal. Program pendidikan ini boleh dilaksanakan melalui institusi pendidikan formal serta melalui aktiviti dakwah dan pengajian tidak formal yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat seperti pelajar, golongan profesional dan pengguna media sosial. Menurut Ahmad Shah (2016), peningkatan literasi hadis dalam masyarakat dapat mengurangkan kecenderungan menerima serta menyebarkan riwayat yang tidak diketahui status kesahihannya.

Kedua, peranan institusi agama dan ulama perlu diperkukuhkan. Institusi seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan majlis agama negeri bertanggungjawab menyediakan sumber rujukan hadis yang sahih dan menyebarkan panduan rasmi mengenai status hadis yang sering dipertikaikan (Usman & Nasir, 2022). Pihak berautoriti agama juga perlu lebih proaktif dalam mendidik masyarakat dan menyampaikan maklumat yang tepat mengenai hadis palsu.

Ketiga, kemajuan teknologi maklumat wajar dimanfaatkan sebagai salah satu medium penting dalam membantu proses penyemakan hadis. Pembinaan pangkalan data hadis secara digital yang mengandungi sanad, matan serta penerangan berkaitan status hadis dapat memudahkan masyarakat memperoleh maklumat yang lebih tepat tentang sesuatu riwayat. Di

samping itu, kewujudan aplikasi mudah alih dan laman web yang menyediakan rujukan hadis secara tersusun turut membantu pengguna membuat semakan awal terhadap kesahihan hadis sebelum dikongsikan kepada orang lain. Dalam hal ini, beberapa tokoh hadis di Malaysia telah memperkenalkan kempen “Semak Hadis Sebelum Sebar” bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya memastikan kesahihan hadis sebelum disebar. Usaha tersebut juga membawa kepada pembangunan laman web semakhadis.com serta halaman *Facebook* dengan nama yang sama bagi memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat berkaitan status hadis secara lebih cepat (Ahmad et al., 2019; Hasin, 2023). Firdaus Khairi & Fadzli (2019) menegaskan penggunaan teknologi dalam pengurusan data hadis berpotensi membantu mengurangkan penyebaran riwayat yang tidak sahih dalam masyarakat.

Keempat, pembudayaan amalan *tabayyun* dalam penggunaan media digital perlu diperkasakan dalam kalangan masyarakat. Prinsip *tabayyun* bukan sekadar merujuk kepada pengetahuan berkaitan hadis bahkan melibatkan sikap berhati-hati, menyemak sumber dan tidak tergesa-gesa menyebarkan sesuatu maklumat sebelum dipastikan kesahihannya. Prinsip ini selari dengan tuntutan al-Quran yang menekankan kepentingan memeriksa kebenaran sesuatu berita sebelum diterima atau disebar (Ahmad Shah, 2016).

Seterusnya, penguatkuasaan undang-undang harus dipertingkatkan. Undang-undang yang menghukum penyebar maklumat palsu termasuk hadis palsu perlu dilaksanakan secara tegas. Langkah ini bukan sahaja berfungsi sebagai pencegahan tetapi juga memberi isyarat jelas tentang penyebaran maklumat palsu adalah satu kesalahan serius yang merosakkan agama (Usman & Nasir, 2022).

Kombinasi pendidikan, peranan institusi agama, penggunaan teknologi, amalan *tabayyun* dan penguatkuasaan undang-undang merupakan strategi yang signifikan untuk menangani penyebaran hadis palsu dalam era kontemporari. Pendekatan ini diharap dapat membantu umat Islam memelihara keaslian sunnah Nabi SAW dan memastikan ajaran Islam terus diamalkan berdasarkan asas yang sahih.

KESIMPULAN

Memelihara kesahihan hadis Nabi SAW adalah satu kewajipan yang amat penting bagi memastikan keaslian ajaran Islam kekal terpelihara. Hadis yang sahih menjadi rujukan utama selepas al-Quran dalam menentukan keimanan, amalan dan hukum-hakam. Sebarang penyimpangan daripada hadis yang sahih, terutamanya dengan menerima hadis palsu boleh membawa kepada penyelewengan dalam akidah dan amalan umat Islam. Kajian kritis terhadap sanad dan matan adalah asas utama dalam memastikan kesahihan sesuatu hadis dan ia adalah tugas yang tidak boleh diabaikan oleh setiap Muslim yang bertanggungjawab.

Pengiktirafan yang tinggi harus diberikan kepada sarjana seperti Umar Fallatah yang telah memberikan sumbangan besar dalam mengenal pasti dan menjelaskan hadis-hadis palsu melalui kajian mendalam. Metode beliau dalam mengenal pasti hadis palsu merangkumi analisis kritikal terhadap matan hadis yang menumpukan kepada aspek yang bertentangan dengan al-Quran, sifat-sifat Allah dan sunnah yang telah diterima secara mutawatir. Selain itu, beliau menekankan kepentingan memahami gaya bahasa yang digunakan dalam riwayat dan kesesuaiannya dengan kedudukan Nabi SAW. Usaha beliau dalam memperincikan kaedah pengenalpastian hadis palsu melalui kaedah *al-istigra' al-tam* memberikan panduan yang jelas kepada umat Islam untuk membezakan antara hadis sahih dan palsu.

Sebagai umat Islam, menjadi tanggungjawab untuk bersikap cermat dan teliti dalam menerima serta menyebarkan hadis. Ini termasuk memastikan setiap hadis yang diterima diperiksa kesahihannya melalui sumber yang berautoriti. Penglibatan institusi agama dan ilmuwan dalam mendidik masyarakat mengenai ciri-ciri hadis palsu serta menyediakan panduan sistematik untuk mengenalinya perlu dilakukan. Seruan ini sangat relevan dalam era digital apabila dilihat hadis sering dikongsi tanpa verifikasi. Ahli hadis begitu menekankan sikap berhati-hati dalam

menyampaikan hadis kerana ia sebahagian daripada menjaga amanah ilmu. Oleh itu, setiap Muslim harus berusaha untuk merujuk kepada kitab-kitab hadis yang muktabar dan melibatkan diri dalam pendidikan hadis bagi mengelakkan penyelewengan dalam agama tanpa disedari.

PENGHARGAAN

Makalah ini adalah sebahagian kajian dalam pengajian Doktor Falsafah Pengajian Islam (Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah) di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

SUMBANGAN PENGARANG

Metodologi, Anas & Arif & Latifah; pengumpulan data & analisis, Anas & Arif & Latifah; penulisan draf original, Anas; semakan dan penyuntingan, Arif & Latifah. Semua penulis telah membaca dan bersetuju dengan versi manuskrip yang diterbitkan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Pengarang mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan (kewangan, peribadi atau profesional) yang boleh mempengaruhi penulisan dan penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN ETIKA

Kajian ini tidak melibatkan subjek manusia atau haiwan. Semua data yang digunakan diperolehi daripada sumber yang boleh diakses secara umum dan tidak mengandungi sebarang maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti. Oleh itu, kelulusan etika tidak diperlukan.

PERNYATAAN TEKS YANG DIHASILKAN OLEH KECERDASAN BUATAN (AI)

Tiada alat Kecerdasan Buatan (AI) digunakan untuk menghasilkan kandungan asal, menjalankan analisis, atau menggantikan mana-mana bahagian sumbangan intelektual penyelidik.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Sumbangan asal yang dibentangkan dalam kajian ini telah disertakan dalam artikel/bahan tambahan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada penulis korespondan.

RUJUKAN

- Ahmad, K., Ariffin, M. F. M., & Nasir, M. K. M. (2022). Hadith palsu moden dan bentuk-bentuknya dalam realiti semasa. *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies*, 20(3), 399–417. <https://doi.org/10.1163/22321969-12340121>
- Ahmad, K., Sulaiman, I., Ahmad Shah, F., & Mohd Rokhibi, I. A. (2019). Kriteria utama dalam pembangunan laman web berkaitan hadith: Satu analisis dan cadangan. *Ma'alim Al-Qur'an Wa Al-Sunnah*, 15(2), 28–53. <https://doi.org/10.33102/jmq.v15i2.176>
- Ahmad Shah, F., (2016). Penyebaran hadith palsu dalam media massa dan media sosial: Realiti dan cabaran. *HADIS: Jurnal Ilmiah Bernasit*, 6(11), 9–27.
- Al-Albani, M. N. al-D. (1992). *Silsilah Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah*. Dar al-Ma'arif.
- Al-Ashqar, 'Umar. (2004). *al-Wad'u al-Hadith al-Nabawi* (1st ed.). Dār al-Nafā'is.
- Badrulhisham, M. Y., & Md Ariffin, M. F. (2022). Hadith dhaif dan mawdu': Konsep dan hukum yang berkaitan dengannya. *EProsiding Seminar Pelajar Tahun Akhir 2022*, 372-378, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Dakir, J., Mohsin, B., Ibrahim, M., & Ahmad Shah, F. (2008). Hadith Masyhur dalam masyarakat Melayu: Takhrij dan analisis. *Jurnal Usluddin*, 29, 119–146. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/7305>
- Dzakiy, A.F., Ustadiyah, A. D., & Hakim, M.L. (2022). Hadis palsu, pemalsuan dan pencegahannya di era digital. *Al-Bayan: Journal of Hadith Studies*, 1(2), 1–13. <https://ejournal.staikhozin.ac.id/ojs/index.php/al-bayan/article/view/91>
- Firdaus Khairi, A.K., & Fadzli, A. (2019). Hadith palsu: Kajian terhadap faktor penyebaran dan kaedah mengatasinya. *Proceedings of The International Conference On Islamic Civilization and Technology Management*, 507–516.
- Al-Harrani, I. S. (1983). *Tuhaf al-'Uqul*. Mu'assasah al-Nashr al-Islami.
- Hasin, H. (2023). Kempen 'Semak hadith sebelum sebar' antara tradisi ahli Hadith dan dakyah 'Wahabi', *Journal of Hadith Studies*, 8(2), 34–45. <https://doi.org/10.33102/johs.v8i2.243>.
- Ibn al-Jawzi, A.A. (1966). *al-Mawdu'at*. al-Maktabah al-Salafiyah.
- Ibn al-Qayyim, M. bin A. B. (1970). *al-Manar al-Munif fi al-Sahih wa al-Da'if*. Maktabah Matbu'at Islamiyyah.
- Ibn Hibban, M. (2012). *Sahih Ibn Hibban*. Dar Ibn Hazm.
- Ibn Asakir, Ali bin al-Hasan. (1995). *Tarikh Dimashq*. Dar al-Fikr.
- Al-Idlibi, A. S. (2013). *Manhaj Naqd al-Matn 'ind 'Ulama' al-Hadith al-Nabawi*. Mu'assasah Iqra' al-Khayriyah.

- Al-Khatib al-Baghdadi, A.A. (1939). *al-Kifayah fi 'Ilm al-Riwayah*. al-Maktabah al-'Ilmiyyah.
- Luthfi, K. (2013). Kritik matn aebagai metode utama dalam kesahihan hadistst Nabi. *Islamic Review: Jurnal Riset Dan Kajian Keislaman*, 4(2), 199–224. <https://doi.org/https://doi.org/10.35878/islamicreview.v4i2.102>
- Al-Majlisi, M.B. (1983). *Bihar al-Anwar*. Mu' assasah al-Wafa'.
- Al-Mawardi, H.A.M. (1999). *Al-Amtbal wa al-Hukm*. Dar al-Watan li al-Nashr.
- Mohd Razak, N. M. A., & Nazri, M. A. (2023). Manhaj kritik matan hadis Mulla 'Ali Al-Qari. *Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 8(1), 34–44. <https://doi.org/10.17576/turath-2023-0801-05>
- Mohd Shukri, M. S. (2020). Hadith palsu di Malaysia: Tinjauan perkembangan dan keberadaannya di dalam kitab-kitab Jawi silam dan buku-buku agama terpilih. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 141–164. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/42981/>
- Moiz, I. (2024). *Renowned Muhaddith and Scholar Shaykh Umar Bin Hassan Fallatah Passes Away*. MuslimMatters. https://muslimmatters.org/2024/03/27/renowned-muhaddith-and-scholar-shaykh-umar-bin-hassan-fallatah-passes-away/?utm_source=chatgpt.com
- Al-Sajistani, A. D. (1979). *Su'alat Abi Abid al-Ajri Aba Dawud al-Sajistani fi al-Jarh wa al-Ta'dil*. 'Imadah al-Bahath al-'Ilmi bi al-Jami'ah al-Islamiyah al-Madinah al-Munawwarah.
- Al-Siba'i, M. (2000). *al-Sunnah wa Makanatuba fi al-Tashri'*. al-Maktab al-Islami.
- Al-Suyuti, 'A.R. (2004). *Tadrib al-Rawi fi Sharh Taqrib al-Nawawi*. Dar Taybah.
- Usman, A. H., & Nasir, M. N. (2022). Penyebaran hadis palsu dalam penerbitan di Malaysia dan kesannya kepada masyarakat. *Hadis*, 12(23), 34–50.
- Wingra, S. (2018). *Naqd Matn al-Hadith: Tarikhhu wa Maqayisuhu wa Manabij al-'Ulama' fih*. Darul Huda Islamic University.
- Umar Fallatah. (2016). *al-Wad' fi al-Hadith*. Dar al-Minhaj.